



**TEKS KATA-KATA ALUAN**

**PEMERINTAH  
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI**

**SEMPENA  
MAJLIS PELANCARAN RASMI  
EKSESAIS HIKMAT BERSATU VI/2021**

**PADA  
15 ZULHIJAH 1442 HIJRAH  
26 JULAI 2021 MASIHI**

**BERTEMPAT  
PADANG KAWAD  
BATALION PERTAMA, TENTERA DARAT DIRAJA BRUNEI  
BERAKAS GARISON**

## KATA ALU-ALUAN DARIPADA PEMERINTAH ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Tuhan yang menciptakan sekalian alam dan seisinya. Selawat dan salam ke atas Junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang setia lagi jujur di dalam menegakkan Syi'ar Islam hingga akhir hayat.

Syukur dengan izin serta kurnia limpah rahmat Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, kita berpeluang untuk sama-sama hadir di Upacara Pelancaran Rasmi Eksesais Hikmat Bersatu Yang Ke-6 pada pagi ini.

Alhamdulillah, walaupun dunia masih bergelut dengan pandemik COVID-19, kita harus bersyukur kerana situasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam adalah terkawal yang mana membolehkan kita bagi mengadakannya pada tahun ini setelah ditunda dari tahun lepas. Walaubagaimanapun, Peramba/Saya

mengingatkan kepada semua supaya sentiasa mematuhi garis pandu yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan dalam membendung pandemik ini.

Sebagai institusi keselamatan, ABDB hendaklah sentiasa komited dalam mengekalkan tahap kesiapsiagaan dan kesediaan yang tinggi bagi menangani apa jua ancaman. Bagi mencapai tahap ini, ianya memerlukan pusingan latihan atau *training cycle* yang bersistematik yang membawa kepada latihan terbesar iaitu Hikmat Bersatu.

Seperti mana juga dalam ekksesais-ekksesais sebelumnya, antara matlamat ekksesais ini ialah menguji dan mengesahkan keupayaan ABDB dalam merancang serta melaksanakan operasi dari yang rutin hinggalah yang kompleks, di samping membuat penelitian semula (*cross check*) ke atas persediaan dan ketahanan logistik. Selain daripada itu juga, ekksesais ini diharap dapat menjalinkan usahasama dalam menyokong pendekatan "*Whole-of-Nation*" dan "*Whole-of-Government*" di mana ABDB berpeluang untuk bekerjasama dengan angkatan sahabat seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Pasukan Simpanan Gurkha dan juga Batalion Kedua, *Royal Gurkha Rifle* serta memberikan kesempatan kepada

beberapa anggota daripada pelbagai agensi kerajaan untuk turut serta sebagai pemerhati semasa ekksesais ini dilaksanakan.

Konsep ekksesais bagi setiap Ekksesais Hikmat Bersatu adalah berbeza dan mengikut ancaman semasa. Bagi konsep ekksesais kali ini ianya tertumpu kepada senario kontemporari yang realistik, terutama sekali ancaman bukan tradisional seperti membentaras keganasan (*counter-terrorism*) dan peperangan asimetri yang sering dihadapi masa kini.

Peramba / Saya menyeru kepada semua yang terlibat untuk mengambil peluang dari ekksesais ini dalam sama-sama mengenalpasti jurang yang ada dari segi keupayaan aset, prosedur dan doktrin bagi peningkatan di masa akan datang. Selain dari itu, Peramba/Saya juga berharap agar ekksesais ini dapat meningkatkan tahap profesionalisme warga ABDB dalam melaksanakan apa jua penugasan dengan penuh kompeten dan kepimpinan yang kredibel.

Sebelum mengakhiri, Peramba/Saya dengan tulus ikhlas ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Pengarah Bersama Ekksesais Hikmat Bersatu Ke-6/2021 serta Ketua-ketua Ekksesais serta ahli-

ahli jawatankuasa Eksesais yang terlibat pada kali ini di atas sumbangan dan komitmen serta kegigihan dalam sama-sama menjayakan eksesais pada kali ini. Di kesempatan ini juga, Peramba/Saya juga ingin meningkatkan untuk sentiasa menjaga serta mengutamakan keselamatan setiap anggota semasa eksesais ini. Peramba/Saya berdoa agar Eksesais Hikmat Bersatu Yang Ke-6 ini berjalan dengan lancar dan semoga kita semua sentiasa di dalam petunjuk, perlindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Amiin ya rabbal alamin.

Akhir kalam, dengan bertawakkal kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala serta dengan berkat kalimah,

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Saya sukacita melancarkan Eksesais Hikmat Bersatu 6/2021.

Sekian,

وباللّهتوفيقوالهدايةوالسلامعليكمورحمةلالهوبركاته